

0315

R B151 DEB
PM-UMNO

1985

JOHOR BAHRU, 28 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA, KAUM-KAUM LAIN DI NEGARA INI TIDAK HARUS MENCURIGAI UMNO KERANA IA TELAH MEMBUKTIKAN IA TIDAK TAMAK KUASA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN SUNGGUHPUN UMNO BOLEH MEMERINTAH SENDIRI TETAPI IA TELAH SANGGUP MEMBAHAGI-BAHAGIKAN KUASA KEPADA KAUM-KAUM LAIN YANG TAAT SETIA KEPADA NEGARA.,

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA DI MAJLIS MAKAN MALAM ANJURAN BARISAN NASIONAL JOHOR SEMPENA LAWATAN RASMI BELIAU KE NEGERI INI, DI KEDIAMAN RASMI MENTERI BESAR, SAUJANA, DI SINI, +KITA BOLEH MEMERINTAH KERAJAAN DENGAN SENDIRI TETAPI KITA TIDAK BERHASRAT UNTUK MEMBOLOT KUASA SESAMA KITA+.

INI, KATANYA, TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA UMNO TELAH MENERIMA KAUM-KAUM LAIN UNTUK MEMBENTUKKAN SATU PERIKATAN YANG SEKARANG DISEBUTKAN BARISAN NASIONAL YANG MEMPUNYAI PERWAKILAN DARIPADA SEMUA SUKU KAUM DI NEGARA INI.

BELIAU MENEGASKAN +KALAU TIDAKLAH UMNO YANG MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN ORANG-ORANG MELAYU SEHINGGALAH NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN, NEGARA INI TIDAK AKAN MENIKMATI KEDUDUKAN YANG KINI BOLEH DIKATAKAN MEMBANGGAKAN.+ -- LAGI

0025MST 29 06 85

0316

R B152 DEB
PM - UMNO 2 JOHOR BAHRU

WALAU BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA, BAHAWA BANYAK LAGI YANG HARUS DIBUAT UNTUK MEMAJUKAN NEGARA INI AGAR TIDAK KURANG DARIPADA NEGARA YANG MAJU.

+KITA HARUSLAH BERUSAHA LEBIH GIGIH LAGI UNTUK MENENTUKAN NEGARA INI TIDAK TERUS KETINGGALAN DAN SEBALIKNYA AKAN DIAKUI DAN DIHORMATI OLEH NEGARA-NEGARA LAIN, + TEGASNYA.

+KITA HARUSLAH BERUSAHA MEMBENTUK SATU PERIBADI YANG BERASASKAN KEPADA NILAI MORAL YANG TINGGI DENGAN MENGAMALKAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENEGASKAN BAHAWA BELIAU TIDAK PERNAH SYAK DENGAN SOKONGAN UMNO JOHOR DAN PARA PEMIMPINNYA SEKARANG.

BELIAU MERAKAMKAN PENGHARGAAN DENGAN PENGAKUAN MENTERI BESAR JOHOR DATUK ABDUL AJIB AHMAD SELAKU PENERUSI PERHUBUNGAN UMNO JOHOR, TENTANG PENDIRIANNYA UNTUK MEMBERI SOKONGAN YANG TIDAK BERBELAH BAGI KEPADA BELIAU DAN PUCUK PIMPINAN DI PERINGKAT PUSAT.

LEBIH 6,000 ORANG TERDIRI DARI MENTERI-MENTERI, TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI, ANGGOTRA PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI JOHOR HADIR DI MAJLIS TERSEBUT. -- BERNAMA

0030MST 29 06 85

U E932 AAE